

LAMPIRAN PEMBERITAHUAN PRODUK

Pelanggan Yang Dihormati

Lampiran Pemberitahuan Produk ini disediakan untuk memberikan maklumat-maklumat penting mengenai insurans kemalangan diri anda.

Pelanggan lain telah membaca Lampiran Pemberitahuan Produk ini dan mendapati ia bermanfaat; anda juga patut membacanya.



Liberty General Insurance Berhad
197801007153 (44191-P)

Tarikh: 12/2025

1 Apakah Revo Care Plan (RCP)?

RCP memberikan pampasan bagi mana-mana kecederaan anggota badan, kecacatan atau kematian yang disebabkan secara langsung oleh perlakuan ganas yang tidak sengaja, luaran dan boleh dilihat.

2 Ketahui Perlindungan Anda

Sebagai ilustrasi, dengan pembayaran RM71.32 sebulan (termasuk cukai perkhidmatan), anda akan menerima perlindungan Pelan A berikut:

Anggaran premium: RM200,000 Jumlah Diinsuranskan, Pekerja pejabat, Ahli Kad sahaja, Kelas 1 dan berumur 30 tahun

Polisi ini melindungi:

No	Manfaat-manfaat	Jumlah Diinsuranskan (RM)		
		Pelan A	Pelan B	Pelan C
1	Kematian akibat Kemalangan	200,000	300,000	500,000
2	Manfaat Culik	50,000		
3	Hilang Upaya Menyeluruh Kekal (PTD) Jadual peratusan bayaran a) PTD daripada sebarang jeni pekerjaan yang menjana pendapatan b) Kehilangan satu atau kedua-dua Anggota Badan c) Kehilangan satu atau kedua-dua Mata	200,000 100% 100% 100%	300,000 100% 100% 100%	500,000 100% 100% 100%
4	Elaun Harian Hospital akibat Kemalangan (sehingga 365 hari setiap tahun polisi)	500 sehari	750 sehari	1,000 sehari
5	Elaun Harian Hospital akibat penyakit (sehingga 365 hari setiap tahun polisi)	50 sehari	75 sehari	100 sehari
6	Elaun akibat Diragut (dalam Malaysia) – sekali dalam tahun polisi	1,000	1,500	2,000
7	Perbelanjaan Perubatan untuk Pembedahan Jagaan Harian – akibat kemalangan	2,000	4,000	6,000
8	Manfaat Pemulihan akibat Demam Denggi, Virus Zika atau Malaria (dalam Malaysia) – sekali dalam tahun polisi	500	1,000	1,500
9	Manfaat Pengangguran Bulanan Bukan Sukarela (dalam Malaysia) - Sehingga 3 bulan setiap kejadian setiap tahun polisi - Dibenarkan untuk menuntut satu (1) kejadian setiap tahun polisi sahaja - dengan had limit seumur hidup 15 bulan	600 sebulan	1,200 sebulan	1,800 sebulan
10	Elaun Keluarga Bulanan Untuk Pengangguran Bukan Sukarela (dalam Malaysia) - jika Pihak Diinsuranskan mendaftar dengan pasangan dan/atau anak - dibayar kepada pasangan dan/atau anak yang mendaftar bersama - Sehingga 3 bulan bagi setiap insiden setiap dalam setahun polisi - Dibenarkan untuk menuntut satu (1) insiden sahaja dalam setahun polisi - dengan had limit seumur hidup 15 bulan	300 Sebulan bagi setiap tanggungan	600 Sebulan bagi setiap tanggungan	900 Sebulan bagi setiap tanggungan
11	Bonus Pulangan Tunai Pembaharuan	*15% premium yang dibayar		

Nota: *15% daripada premium yang dibayar akan dikembalikan selepas pembaharuan polisi tertakluk tiada sebarang tuntutan berlaku pada tahun polisi sebelumnya dan polisi masih berkuat kuasa.

Jadual Premium Bulanan (sebelum cukai perkhidmatan)	Pelan A (RM)	Pelan B (RM)	Pelan C (RM)
Ahli kad	66.04	93.40	121.70
Ahli kad dan pasangan	118.87	168.10	219.06
Keluarga dengan 1 anak	168.40	238.16	310.33
Keluarga dengan 2 anak	224.53	317.55	413.76
Keluarga dengan 3 anak	280.66	396.92	517.22
Ahli kad dengan 1 anak	118.87	168.10	219.06
Ahli kad dengan 2 anak	168.40	238.16	310.33
Ahli kad dengan 3 anak	224.53	317.55	413.76

Tempoh perlindungan adalah selama satu tahun seperti yang dinyatakan dalam kontrak polisi dan ia akan diperbaharui secara automatik setiap tahun selepas genap 12 bulan kalendar berterusan melainkan dibatalkan mengikut terma yang dinyatakan di sini. Anda perlu membayar perlindungan insurans secara bulanan melalui arahan kad kredit/debit.

Liberty General Insurance Berhad ialah ahli PIDM. Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah polisi yang layak ini adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had-had perlindungan. Sila rujuk kepada Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Liberty General Insurance Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Liberty General Insurance Berhad adalah dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan bantuan berkaitan dengan perlindungan insurans anda, anda boleh:



Hubungi kami di
1 800 88 8121



Layari kami di
www.libertyinsurance.com.my



Emel kami di
customer@libertyinsurance.com.my



Imbas Kod QR
di atas

Polisi ini tidak melindungi :	
- Bunuh diri atau mencederakan diri sendiri secara sengaja; - Kedadaan perubatan sedia ada, gangguan mental atau kecacatan fizikal; - Kehamilan atau bersalin, kecuali jika disebabkan secara langsung dan sepenuhnya oleh kemalangan; - AIDS atau sebarang penyakit berkaitan, gangguan imunisasi, atau ujian darah yang menunjukkan positif berkaitan AIDS; - Pengambilan dadah, melainkan anda dapat membuktikan bahawa dadah tersebut diambil mengikut preskripsi dan arahan perubatan yang betul, dan bukan bagi rawatan ketagihan dadah; - Rawatan alkoholisme atau mabuk; - Pembedahan kosmetik atau plastik, sebarang pembedahan elektif atau kecacatan kongenital; - Penyakit pergigian, penjagaan atau pembedahan pergigian; - Rawatan untuk obesiti atau penambahbaikan berkaitan berat badan; - Pemeriksaan kesihatan umum, pemulihan, rawatan penjagaan atau rehat; - Sebarang penyakit kelamin; - Ketika melakukan atau cuba melakukan sebarang perbuatan yang menyalahi undang-undang; - Anda tidak memiliki lesen memandu yang sah ketika memandu kenderaan. Pengecualian ini tidak terpakai sekiranya anda mempunyai lesen yang telah tamat tempoh tetapi tidak dibatalkan kelayakannya untuk memegang atau memperoleh lesen memandu tersebut di bawah mana-mana undang-undang, peraturan kecil, atau peraturan sedia ada.	
Nota: Senarai ini adalah tidak menyeluruh . Sila rujuk kepada kontrak polisi untuk senarai penuh pengecualian bagi polisi ini.	

3 Ketahui Kewajipan Anda

Untuk Pelan A RCP ini, anda perlu membayar premium berikut:	
Perlindungan Standard	RM66.04 (setiap bulan)
(+) Perlindungan Tambahan	Tidak berkenaan
Premium Kasar	RM66.04
Anda juga perlu membayar yuran dan caj berikut:	
(+) 8% Cukai Perkhidmatan	RM5.28
(+) Duti Setem	Tidak berkenaan
Jumlah Premium Yang Perlu Dibayar	RM71.32
Di mana ia adalah termasuk:	
Komisen	25% Premium Kasar atau RM16.51

Sila ambil perhatian bahawa:

- Kadar cukai perkhidmatan adalah tertakluk kepada kadar semasa yang dikenakan oleh Kerajaan Malaysia.
- Duti setem tidak dikenakan untuk Sijil Insurans.

4 Maklumat Penting Lain

- Anda mesti memberikan maklumat lengkap dan tepat dalam menjawab soalan. - Anda mesti mendedahkan semua fakta material seperti pekerjaan dan usaha peribadi anda. - Kegagalan untuk mematuhi mana-mana syarat polisi akan membatalkan semua tuntutan. - Kami berhak untuk memeriksa orang yang diinsuranskan semasa tuntutan dan sekiranya berlaku kematian, untuk melakukan bedah siasat di mana tidak dilarang di sisi undang-undang. - Sekiranya berlaku kemalangan, anda mesti memaklumkan kami dengan butir-butir penuh kemalangan / kecederaan dalam tempoh tiga puluh (30) hari selepas kemalangan tersebut berlaku. - Tunai Sebelum Perlindungan – Premium yang kena bayar mestilah dibayar dan diterima oleh Liberty sebelum perlindungan bermula. Insurans ini secara automatik terbatal dan tidak sah jika syarat ini tidak dipatuhi. - Tempoh Percubaan Percuma – anda boleh membatalkan sijil insurans anda dengan mengembalikan sijil insurans tersebut dalam masa 15 hari selepas sijil insurans tersebut dihantar. Bayaran premium yang telah dibayar akan dibayar balik kepada anda sepenuhnya tertakluk kepada tiada tuntutan yang telah dibuat di bawah sijil insurans tersebut. Tempoh Percubaan Percuma ini hanya terpakai pada pembelian sijil insurans yang baru dan tidak akan terpakai untuk sebarang pembaharuan atau pengembalian semula. - Kelayakan – i) Pelanggan UOBM yang merupakan warganegara Malaysia atau pemastautin tetap Malaysia dan untuk pelan keluarga, pasangan dan anak mereka yang menetap di Malaysia. ii) Pasangan sahnyanya berumur 18 tahun hingga 60 tahun, boleh diperbaharui sehingga ulang tahun polisi selepas mencapai umur 71 tahun. iii) Anak-anaknya berumur 6 bulan sehingga 18 tahun atau sehingga 25 tahun jika masih belajar sepenuh masa. iv) Orang yang Diinsuranskan dengan pekerjaan Kelas 3 layak untuk membeli Pelan A sahaja. - Manfaat Pemulihan tidak boleh dituntut sekali dengan Manfaat Pendapatan Hospital Harian – akibat penyakit	
Nota: Senarai ini adalah tidak menyeluruh . Sila rujuk kepada kontrak polisi untuk senarai penuh terma dan syarat.	

? Bolehkah saya batalkan polisi saya?

- Ya. Anda boleh membatalkan sijil insurans ini pada bila-bila masa dengan memberikan notis bertulis tidak kurang daripada 14 hari kepada pihak satu lagi, di alamat terakhir yang diketahui. Pembatalan akan berkuat kuasa dari tarikh pengebilan seterusnya bagi bayaran bulanan selepas tamat tempoh notis 14 hari.
- Tiada bayaran balik premium akan diberikan bagi pembatalan sijil insurans ini.
- Untuk butiran penuh tentang bayaran balik pembatalan, sila rujuk pada perkataan polisi.